



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

11 September 2020

1. Penjual aiskrim didakwa abai tiga kucing hingga mati
2. Penjual aiskrim didakwa seksa kucing
3. Ice-cream seller charge over deaths of 3 cats

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 11 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	21	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Penjual ais krim didakwa abai tiga kucing hingga mati

Georgetown: Seorang penjual ais krim didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan mengabaikan tiga kucing bawah jagaannya sehingga membawa kepada kematian haiwan terbabit, Februari tahun lalu.

Saiful Azhar Md Rahani, 35, dihadapkan di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid untuk pertuduhan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda hingga RM100,000 atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan berkenaan di sebuah rumah tidak bernombor di Teluk Bayu, Sungai Batu, Teluk Kumbar, di sini, pada jam 4:45 petang 26 Februari 2019.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Mahkamah kemudian menetapkan 12 Oktober depan untuk sebutan semula kes bagi membolehkan Saiful Azhar melantik peguam.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Roziman Awang Tahrin.



Saiful Azhar tiba di Mahkamah Sesyen Georgetown, semalam.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 11 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	8	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Penjual aiskrim didakwa seksa kucing

Georgetown: Seorang penjual aiskrim dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menyebabkan penderitaan tidak sepatutnya terhadap tiga kucing jagaannya sehingga membawa kepada kematian, tahun lalu.

Saiful Azhar Md Rahani,

35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kesalahan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah tidak bernombor di Teluk Bayu, Sungai Batu di Te-

luk Kumbar, dekat sini, jam 4.45 petang pada 26 Februari 2019.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda hingga RM100,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Roziman Awang Taharin.

Mahkamah kemudian menetapkan 12 Oktober depan untuk sebutan semula bagi membolehkan Saiful Azhar melantik peguam.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 101September 2020

Media Cetak/Elektronik	News Straits Times	Catatan:
Ruangan	News	
M/Surat	14	
Perkara	Animal Act	

Ice-cream seller charged over deaths of 3 cats

GEORGE TOWN: An ice-cream seller claimed trial at the Sessions Court here yesterday to a charge of unreasonably causing pain and suffering to three cats in his care, resulting in their deaths. Saiful Azhar Md Rahani, 35, nodded to indicate that he understood the charge which was read to him by the court interpreter. He, however, shook his head to indicate that he was not guilty when asked on his plea. Saiful was alleged to have committed the offence at an unnumbered house in Teluk Bayu, Sungai Batu in Teluk Kumbar here at 4.45pm on Feb 26, last year. Veterinary Services Department prosecuting officer Roziman Awang Tahrin asked the court to fix a date to enable Saiful Azhar to engage a lawyer, to which judge Mazdi Abdul Hamid fixed Oct 12 as the deadline.